

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 54

Penyata kedudukan kewangan Romani Traders adalah seperti berikut:

**Romani Traders**

**Penyata kedudukan kewangan pada 31 December 2015**

	RM	RM		RM	RM
Premis		38,000	Modal	35,000	
Perabot		6,500	(+) Untung bersih	13,070	48,070
Inventori		7,770			
Akaun belum terima		8,000	Akaun belum bayar		9,790
Tunai		480	Sewa terakru		540
		60,750	Bank overdraf		2,350
					60,750

Urus-urus niaga di bawah telah berlaku dalam bulan Januari 2016:

<b>Tarikh</b>	<b>Urus niaga</b>
2016 Jan 2	Cek bernilai RM3,000 telah dikeluarkan kepada seorang akaun belum bayar untuk menjelaskan hutang sebanyak RM3,100. Menerima cek RM3,000 daripada seorang akaun belum terima.
5	Menjelaskan sewa terakru dengan cek.
8	Jual 20% daripada inventori kepada Benny pada harga RM2,000.
12	Membayar belanja iklan RM450 dengan cek.
14	Menerima pinjaman bank sebanyak RM20,000. Membeli perabot bernilai RM2,500 dengan wang pinjaman dan bakinya didepositkan dalam bank.
18	Beli barang niaga secara kredit RM1,500.
22	Pemilik mengeluarkan sebuah meja lama berkos RM500 untuk kegunaan sendiri.
25	Membayar belanja runcit RM200 secara tunai.
29	Hutang lapuk terpulih RM800 telah digunakan untuk membayar sewa rumah pemilik.

### Dikehendaki:

Sediakan penyata kedudukan kewangan Romani Traders pada 31 Januari 2016 selepas mengambil kira semua urus-urus niaga bulan Januari yang diberikan di atas..